

From: **FARHAN BIN HASSAN (PTGWP-PUTRAJAYA)** <farhan@ptgwp.gov.my>
Date: Mon, 29 Aug 2022 at 13:10
Subject: Operasi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian WP Putrajaya - Tanpa Tunai Sepenuhnya bermula 1 September 2022
To: <council@malaysianbar.org.my>, <secretariat@sgorbar.org>, <klbc@klbar.org.my>
Cc: MUHAMMAD YASIR BIN YAHYA (PTGWP-KL) <yasir@ptgwp.gov.my>, AHMAD FUAD BIN MUSTAFFA (PTGWP-PUTRAJAYA) <ahmadfuad@ptgwp.gov.my>, AHMAD FAIRUZ BIN MOHD YUSOF (PTGWP-KL) <ahmadfairuz@ptgwp.gov.my>, HAZLIN DIANA BINTI ALIAS@IDRIS (PTGWP-PUTRAJAYA) <[hazlindiana@ptgwp.gov.my](mailto: hazlindiana@ptgwp.gov.my)>, MOHD JAILANI BIN MT SAID (PTGWP-PUTRAJAYA) <jailani@ptgwp.gov.my>

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

YBhg Datuk/Dato'/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan kepada YBhg Datuk/Dato'/TuanPuan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPTGWPPj) telah melaksanakan Operasi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Tanpa Tunai Secara Berjadual (Selasa dan Khamis) sepanjang tempoh Februari - Julai 2022. Ini adalah bagi memudahkan urusan operasi terimaan dan pelanggan PPTGWPPj. Pelaksanaan tersebut telah diterima dengan baik dan positif di kalangan pelanggan PPTGWPPj.

3. Berdasarkan input yang diterima, PPTGWPPj akan melaksanakan Operasi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Tanpa Tunai Sepenuhnya 2022 bermula 1 September 2022 (rujuk notis seperti di Lampiran) untuk makluman dan rujukan pihak berkaitan semasa berurusan dengan PPTGWPPj .

4. Sehubungan itu, dimohon pihak YBhg Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk berkongsi, mengedar dan memaklum perkara tersebut kepada pihak-pihak berkaitan bagi memudahkan urusan merancang dan menyelaras proses kerja serta urusan dengan PPTGWPPj mengikut ketetapan yang disediakan. Ini bagi mengelakkan urusan niaga dan bukan urusan niaga tidak dapat dilaksanakan seterusnya menyebabkan kelewatan dan denda kepada transaksi berkaitan.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg Datuk/Dato' Tuan/ Puan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(FARHAN BIN HASSAN)

Penolong Pengarah

Bahagian Pendaftaran, Hakmilik dan Hasil

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya

Aras G, Blok 2
Menara Seri Wilayah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8889 7778 | Fax: 03-8881 1804



: farhan@ptgwp.gov.my | www.ptgwp.gov.my

Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.



PERKHIDMATAN TANPA TUNAI SEPENUHNYA

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Mulai 1 September 2022, Pejabat ini tidak lagi menerima bayaran secara tunai bagi semua urusan yang dibuat.

SENTIASA AMALKAN PEMATUHAN SOP YANG DITETAPKAN



www.ptgwp.gov.my



cukaipj@ptgwp.gov.my



03 8889 7777



MAKLUMAN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Dimaklumkan bahawa urusan berikut **TERGENDALA** buat masa ini.
Sebarang perkembangan akan dimaklumkan, segala kesulitan amatlah dikesali.

PEMBELIAN PELAN

SENTIASA AMALKAN PEMATUHAN SOP YANG DITETAPKAN



www.ptgwp.gov.my



cukaipj@ptgwp.gov.my



03 8889 7777